

Journal of Ma'ālim al-Qur'ān wa al-Sunnah

Volume 22 No. 1 (2026)

ISSN: 1823-4356 | e-ISSN: 2637-0328

Homepage: <https://jmqs.usim.edu.my/>



- Title : **Kenduri Arwah in the Perspective of Fiqh al-Awlawiyyāt: Historical Development, the Role of Walisongo, and Contemporary Nusantara Practices**
- Author (s) : Mohd Zulhamdi Zainol Abidin, Basri Ibrahim, Ihsan Idris
- Affiliation (s) : Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin
- DOI : <https://doi.org/10.33102/jmqs.v22i1.620>
- History : Received: April 1, 2026; Revised: May 15, 2026; Accepted: June 1, 2026; Published: June 30, 2026.
- Citation : Mohd Zulhamdi Zainol Abidin, Basri Ibrahim, & Muhammad Ihsan Idris. Kenduri Arwah dalam Perspektif Fiqh Keutamaan: Tinjauan Sejarah, Peranan Walisongo dan Amalan Nusantara: Post-Funeral Communal Gathering in the Perspective of Fiqh al-Awlawiyyāt: Historical Development, the Role of Walisongo, and Contemporary Nusantara Practices. *Ma'ālim Al-Qur'ān Wa Al-Sunnah*, 22(1), 124-144. <https://doi.org/10.33102/jmqs.v22i1.620>
- Copyright : © The Authors
- Licensing :  This article is open access and is distributed under the terms of [Creative Commons Attribution 4.0 International License](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)
- Conflict of Interest : Author(s) declared no conflict of interest

Kenduri Arwah dalam Perspektif Fiqh Keutamaan: Tinjauan Sejarah, Peranan Walisongo dan Amalan Nusantara

Post-Funeral Communal Gathering in the Perspective of Fiqh al-Awlawiyyāt: Historical Development, the Role of Walisongo, and Contemporary Nusantara Practices

Mohd Zulhamdi Zainol Abidin*

Basri Ibrahim

Ihsan Idris

Faculty of Islamic Studies

Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin

Abstrak

Amalan mengadakan perhimpunan selepas kematian merupakan salah satu tradisi masyarakat Nusantara sebelum kedatangan Islam yang berasal dari kepercayaan animisme dan dinamisme kemudian berubah kepada kepercayaan Hindu Buddha. Kehadiran Walisongo sebagai pendakwah di Nusantara telah mengubah pengisian upacara masyarakat setempat, dengan mengekalkan tradisi sedia ada tanpa menolaknya secara menyeluruh. Daripada upacara yang bertentangan dengan syarak kepada upacara yang mengandungi unsur Islam. Namun begitu, masih terdapat perbincangan mengenai kewajaran amalan ini. Oleh itu, objektif kajian ini adalah meninjau pendekatan dakwah Walisongo dari sudut perspektif Fiqh Keutamaan (Fiqh al-Awlawiyyat) dalam tradisi kenduri arwah masyarakat Nusantara. Metodologi bagi kajian ini adalah berbentuk kualitatif. Data dikumpulkan melalui kajian kepustakaan serta dianalisis melalui analisis kandungan. Hasil kajian mendapati terdapat elemen Fiqh Keutamaan yang diaplikasikan oleh Walisongo melalui pendekatan dakwah secara berhikmah dalam usaha membasmi upacara yang bercanggah dengan prinsip Islam. Pendekatan ini dilihat sangat sesuai dengan realiti masyarakat pada ketika itu yang masih sarat dengan amalan khurafat serta kepercayaan yang menyeleweng dari ajaran Islam.

Kata kunci: Kenduri Arwah, Walisongo, Fiqh Keutamaan

Abstract

The practice of *kenduri arwah* (post-funeral communal gathering) remains

*Correspondence concerning this article should be addressed to Mohd Zulhamdi Zainol Abidin, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin at zulmadani13@gmail.com

one of the most enduring religious and socio-cultural traditions among Muslim communities in the Nusantara region, particularly in Malaysia and Indonesia. Historically, this tradition originated from pre-Islamic animistic, dynamistic, and later Hindu-Buddhist ritual practices associated with ancestral veneration and beliefs concerning the spirits of the deceased. With the arrival of Islam, the Walisongo played a pivotal role in transforming these rituals through a gradual and culturally accommodative da'wah approach that preserved beneficial social elements while replacing un-Islamic components with Islamic teachings and devotional practices. Despite its widespread acceptance, the legitimacy and religious status of *kenduri arwah* continue to generate scholarly debate among Muslim jurists. Therefore, this study aims to examine the historical development of *kenduri arwah*, analyse the role of the Walisongo in its Islamisation process, and evaluate the practice through the framework of *Fiqh al-Awlawiyyāt* (Fiqh of Priorities). Employing a qualitative research design, data were collected through extensive library research involving classical and contemporary Islamic sources, historical records, and scholarly literature, and subsequently analysed using content and thematic analysis methods. The findings reveal that the Walisongo strategically applied key principles of *Fiqh al-Awlawiyyāt*, including *tadarruj* (gradualism), prioritisation of public benefit (*maslahah*), wisdom-based reform, and the prioritisation of *tawhīd* over the immediate eradication of deeply rooted cultural practices. These principles enabled the successful transformation of post-death rituals from forms associated with superstition and syncretism into gatherings centred on Qur'anic recitation, supplication, remembrance of Allah, charity, and communal solidarity. The study argues that the Walisongo's approach exemplifies a practical application of *Fiqh al-Awlawiyyāt* in da'wah, demonstrating how Islamic reform can be achieved through contextual sensitivity, cultural engagement, and the prioritisation of higher religious objectives while preserving social cohesion and facilitating the gradual internalisation of Islamic values.

Keywords: Kenduri Arwah, Walisongo, Fiqh of Priorities

Pendahuluan

Kenduri arwah merupakan antara tradisi keagamaan yang masih diamalkan secara meluas dalam kalangan masyarakat Melayu Islam di Malaysia, Indonesia dan rantau Nusantara. Ia lazimnya diadakan selepas kematian seseorang, sama ada pada malam pertama, ketiga, ketujuh, ke-40 atau selepas genap setahun kematian. Pengisian majlis kenduri arwah adalah terdapat bacaan ayat-ayat al-Quran, doa dan tahlil untuk si mati serta diakhiri dengan menjamu para hadirin dan semua ini dilakukan secara berjemaah (al-Jauhari, 2009; Saleem, 2021; Oganta, 2024)

Tujuan utama kenduri arwah diadakan adalah sebagai sarana untuk mengirim doa kepada si mati (Librianti, 2019). Ini kerana si mati sangat memerlukan doa, terutamanya dari keluarganya sendiri (Fajrussalam et.al, 2022). Doa-doa tersebut bertujuan untuk memohon keampunan kepada Allah untuk si mati serta meringankan perjalanan roh di alam barzakh. Amalan ini sering kali menjadi bentuk keprihatinan dan kasih sayang keluarga kepada ahli keluarga yang telah pergi (Mubarak, 2017; Jol, 2016). al-Jauhari (2009) menyatakan bahawa amalan mengadakan kenduri arwah adalah untuk membantu si mati, mudah-mudahan diringankan oleh Allah bebanannya menghadapi persoalan para malaikat Munkar dan Nakir di dalam kubur.

Walaupun bertujuan baik, amalan ini sering menimbulkan polemik dalam kalangan umat Islam. Sebahagian fuqaha seperti imam mazhab al-Syafi'e membenci amalan perhimpunan ahli keluarga si mati sekalipun tidak disertai dengan ratapan (al-Shafi'i, 2001). Imam mazhab hanbali, Ahmad bin Hanbal membenci perbuatan ahli keluarga si mati berhimpun kemudian menunggu orang ramai datang mengucapkan takziah (al-Buhūti, 1999). Ibn al-Humām (2002) menjelaskan bahawa penyediaan makanan kepada tetamu yang hadir adalah tidak dibenarkan kerana tujuan asal pensyariatan penyediaan makanan ialah untuk meraikan suasana kegembiraan, bukannya ketika berlakunya musibah atau kesedihan. Menurut al-Ḥaṭṭāb (1995) beliau merupakan tokoh mazhab Maliki menyebutkan para ulama melarang amalan ahli keluarga si mati menyediakan makanan dan menghimpun orang ramai untuk makan, kerana ia termasuk perbuatan bidaah dan disitu bukan tempat untuk mengadakan majlis kenduri.

Al-Shawkani (t.t) pernah menjelaskan bahawa amalan ini pernah diamalkan ketika dahulu. Iaitu apabila berlakunya kematian, keluarga si mati akan berhimpun samada di masjid atau rumah mereka untuk merima tetamu yang datang. Mereka akan membaca al-Quran sekadar yang mampu, kemudian menutup bacaan dengan nasihat tentang kematian disertai istighfar dan doa untuk si mati serta seluruh orang beriman. Mereka melakukan ini selama tiga hari. Beliau menjelaskan lagi bahawa terdapat para ulama ketika itu yang mempunyai sifat wara' dan ahli ibadah tidak mengingkari amalan tersebut.

Walaupun mendapat kritikan daripada pihak yang tidak bersetuju dengan amalan tradisi ini, bagi pihak yang mengamalkan tradisi dan membenarkan tradisi ini seperti al-Suyuti (2000) ini melihat bahawa dalam konteks budaya masyarakat Nusantara, kenduri arwah mempunyai nilai sosial dan dakwah yang tidak wajar dipandang remeh. Kerana fungsi amalan kenduri arwah bukan sekadar amalan keagamaan, bukan hanya sekadar untuk memperingati kematian, namun ia satu budaya lama yang diwariskan secara turun temurun, menggabungkan unsur keagamaan dan sosial

(Tumangor et.al, 2024). Selain itu juga kedatangan masyarakat beramai-ramai ke rumah si mati menjadi penghibur dan dapat merawat duka ahli keluarga yang ditimpa musibah (Saleem, 2019). Tradisi ini secara langsung juga menjadi penghubung bagi masyarakat untuk menjunjung tinggi nilai-nilai silaturrahim antara masyarakat, dengan pola pertemuan setiap minggu, mengeratkan hubungan antara jiran dan meningkatkan kepekaan terhadap situasi dan keadaan sosial masyarakat sekeliling (Saleh et.al, 2022; Saleem, 2021).

Melihat kepada kebaikan yang terdapat pada amalan kenduri arwah ini, ia sebenarnya tidak terlepas dari usaha yang telah dilakukan oleh para pendakwah Walisongo. Usaha mereka ketika berdakwah di Nusantara ini tidak wajar diketepikan begitu sahaja. Kedatangan mereka pada saat masyarakat masih kuat berpegang kepada unsur khurafat, animisme dan pengaruh Hindu-Buddha telah membawa perubahan besar terhadap sistem kepercayaan dan amalan keagamaan masyarakat tempatan ketika itu. Strategi mereka dalam menyebarkan dakwah Islam berasaskan kefahaman terhadap realiti sosial dan budaya masyarakat setempat berjaya mengubah perhimpunan selepas kematian yang dikenali sebagai kenduri arwah dahulunya penuh dengan pengisian amalan yang tidak menepati prinsip Islam kepada pengisian yang lebih menepati prinsip Islam. Pendekatan ini menggambarkan aplikasi elemen Fiqh Keutamaan yang menimbang antara tuntutan hukum, kemaslahatan dan realiti semasa masyarakat.

Objektif Kajian

Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mencapai objektif-objektif kajian seperti berikut:

1. Meninjau sejarah dan perkembangan kenduri arwah di Nusantara
2. Menganalisis peranan Walisongo dalam pendekatan dakwah terhadap kenduri arwah
3. Menilai amalan kenduri arwah dari perspektif Fiqh Keutamaan

Sejarah Kenduri Arwah

Menurut Rodin (2013) tradisi kenduri arwah ini berasal dari Indonesia lebih tepat lagi di Jawa kerana ia dahulunya dikenali dengan selamatan. Selamatan merupakan satu upacara doa yang dilakukan bagi memohon keselamatan kerana kepercayaan ketika itu yang percaya kepada roh-roh dan kekuatan yang ada pada benda-benda tertentu (Awalin, 2018). Darori (2000) menyatakan bahawa sebelum kedatangan agama Hindu Buddha ke tanah Jawa, masyarakat Jawa sudah mempunyai kepercayaan adanya Tuhan yang melindungi. Budiono (2009) menjelaskan bahawa masyarakat Jawa sejak dulu

kuat berpegang dengan upacara adat selamat, bertujuan mendapatkan keselamatan atau kesempurnaan dunia dan akhirat.

Mohd Zin (1998) dan Thamrin (2018) menyatakan, masyarakat Jawa dahulu sebelum berpegang dengan kepercayaan animisme iaitu keyakinan terhadap roh-roh yang meninggal itu mempunyai kekuatan ghaib dan kepercayaan dinamisme iaitu keyakinan sesetengah benda itu mempunyai kekuatan ghaib. Iskandar (2024) dan Sunyoto (2016) menjelaskan bahawa agama Kuno yang tersebar ketika itu dalam kalangan masyarakat adalah Kapitayan. Sepertimana yang dijelaskan oleh Yaqin et.al (2022) Kapitayan merupakan suatu kepercayaan dan keyakinan animisme dan dinamisme yang merupakan kepercayaan terhadap roh nenek moyang serta kepada kekuatan ghaib yang bersemayam pada benda-benda tertentu, seperti batu-batu besar, pokok-pokok besar serta benda-benda bertuah pada keramat dan tempat peninggalan. Jadi sebelum kedatangan agama Hindu Buddha, masyarakat ketika itu menganut kepercayaan Kapitayan.

Ini menguatkan lagi sebab mereka mengadakan selamat dalam setiap urusan antaranya kematian. Rusdin et.al (2025) menjelaskan mereka ketika itu meyakini bahawa setelah seseorang meninggal, rohnya akan kembali ke rumah pada malam hari untuk mengunjungi keluarga yang ditinggalkan. Kepercayaan ini mendorong masyarakat untuk melakukan upacara tertentu. Jika ia tidak dilakukan maka dipercayai roh akan marah dan bahkan akan memasuki tubuh anggota keluarga yang masih hidup, mengganggu mereka dengan penyakit atau musibah. Gunawan et.al (2024) menjelaskan terdapat ajimantra atau dipanggil sebagai mantera yang dibaca bagi menghubungkan manusia dengan roh-roh yang ghaib.

Menurut Firda (2022), amalan kenduri arwah pada permulaannya berasal dari ajaran agama Hindu iaitu ajaran "*Pinde Pitre Yajna*". Kenyataan ini disokong oleh Nanda (t.t), ajaran *Pinde Pitre Yajna* merupakan suatu upacara menghormati roh-roh orang yang sudah mati. Hardiati (1994) menyatakan bahawa, *Yajna* bermaksud mempersembahkan pengorbanan atau pemujaan kepada tuhan. *Pitre Yajna* merupakan salah satu dari lima jenis *yajna* dalam agama Hindu bertujuan memuja roh nenek moyang yang sudah meninggal. Menurut Nanda (t.t), ajaran Pinda Pitre Yajna merupakan satu keyakinan bahawa manusia setelah mati sebelum menjelma lahir kembali ke dunia ada yang menjadi dewa, manusia, binatang, dan lain-lain sesuai dengan amalannya semasa hidup, dari hari pertama sehingga ke-7 rohnya masih berada di lingkungan rumah keluarganya. Pada hari ke-40, 100 dan 1000 hari kematiannya, roh itu akan kembali semula ke rumah keluarganya. Justeru itu, pada hari-hari tersebut harus diadakan upacara jamuan dan membaca mantera serta nyanyian suci untuk memohon kepada dewa-dewa agar roh si mati menjalani karma dengan menjadi manusia yang baik.

Suripto (2009) menjelaskan bahawa tahlilan atau kenduri arwah adalah antara beberapa tradisi masyarakat yang berasal dari agama Hindu Buddha. Beliau menjelaskan bahawa upacara memperingati hari kematian orang Jawa hari ke 1, 7, 40, 100 dan 1000 hari adalah tradisi dari ajaran Hindu. Menurut Iskandar et.al (2024) apabila dilihat ini sama seperti apa yang dilakukan dalam amalan kenduri arwah dan tahlil itu setelah kematian yang merupakan kombinasi dari ajaran Islam, Hindu, dan Buddha yang bertujuan menghormati orang yang telah meninggal.

Justeru, dapat dilihat bahawa berlaku persamaan keyakinan dan kepercayaan agama Kuno masyarakat Jawa dan agama Hindu Buddha. Maka oleh sebab itu, setelah kedatangan agama ini, kepercayaan masyarakat Jawa terhadap roh dan kuasa ghaib semakin kukuh. Hasil sinkretisme antara kepercayaan Jawa kuno iaitu Kapitayan dan unsur ajaran Hindu-Buddha maka lahirnya *Nyadran* (Shandy et.al, 2025). Perkataan *Nyadran* berasal dari bahasa Sanskerta *Sraddha* yang bermaksud keyakinan dan penghormatan terhadap nenek moyang dahulu. *Nyadran* merupakan tradisi Hindu Buddha yang berasal dari abad ke 15 dan ia merupakan peninggalan agama Hindu (Rosydiana, 2023). Pada ketika itu masyarakat berkeyakinan bahawa arwah nenek moyang mempunyai peranan dalam kehidupan orang yang masih hidup, oleh kerana itu inisiatif diambil dengan melakukan pelbagai ritual untuk mendoakan arwah nenek moyang (Shandy et.al, 2025; Soniatin, 2023).

Kemudian Islam datang ke tanah Jawa dengan cuba merubah beberapa keyakinan dan pegangan masyarakat Jawa yang dilihat bertentangan dengan prinsip-prinsip agama. Penyebaran ini melibatkan beberapa peranan tokoh pendakwah. Antara tokoh pendakwah yang terlibat dalam membawa agama Islam ke negeri Jawa ini adalah Raden Rahmad atau dikenali sebagai sunan Ampel atau Ngampel (Harahap, 2023). Kedatangan Islam ke tanah Jawa telah membawa perubahan signifikan terhadap kepercayaan masyarakat yang sebelumnya dipengaruhi oleh animisme dan dinamisme, serta agama Hindu-Buddha. Perubahan ini terjadi kerana sifat keterbukaan masyarakat Jawa terhadap agama dan tradisi baru yang menawarkan harapan serta kesejahteraan hidup yang lebih baik. Salah satu budaya yang mengalami transformasi pasca kedatangan Islam adalah tradisi kenduri arwah atau tahlil (Dzulkifli, 2021). Para alim ulama ini berusaha memasukkan nilai-nilai Islam di dalam tradisi ini, serta mengubah tradisi ini bukan lagi sebagai persembahan dan pemujaan terhadap roh dan kuasa ghaib (Mahmudah et.al, 2019).

Para walisongo mengubah konsep tradisi upacara warisan dari agama Hindu Buddha menjadi tradisi yang berlafazkan Islam mulai dari merubah

mantera-mantera sihir digantikan dengan kalimat *tayyibah* seperti bacaan Al-Qur'an, dzikir dan do'a. Sedangkan persembahan untuk para arwah diganti dengan sajian hidangan dan dijadikan sebagai sedekah. (Mas'ari, 2017). Semua ini dilakukan sebagai sedekah yang pahalanya dihadiahkan kepada si mati (Mahmudah et.al, 2019). Maka dengan itu perlahan-lahan nilai-nilai Islam menjadi dominan jika dibandingkan dengan ajaran-ajaran agama lainnya (Rusdin, 2015).

Cabaran besar walisongo ketika itu adalah untuk menyeru masyarakat Jawa yang kuat berpegang kepada adat tradisi mereka terdahulu kepada agama Islam. Maka walisongo terpaksa menempuh beberapa metod dakwah antaranya seperti metod adaptasi budaya dan adat yang bersifat ramah dan tidak menyerang budaya Jawa-Hindu yang diamalkan ketika itu (Abdullah, 2014). Dalam menghadapi masyarakat yang memiliki kepercayaan dan keyakinan yang kuat terhadap adat dan budaya yang telah berakar umbi dari generasi ke generasi, terdapat dua pendekatan yang boleh diambil. Pertama, pendekatan "meroboh dan membina", iaitu meruntuhkan atau menghapuskan elemen yang bercanggah dengan ajaran Islam dan kemudian membina semula dengan nilai-nilai Islam yang murni. Kedua, pendekatan secara halus tanpa disedari, dengan mengubah bahagian-bahagian tertentu sahaja yang tidak selaras dengan Islam, sambil mengekalkan elemen budaya yang tidak bertentangan dengan syariat (Mohd Zin, 1998).

Maka pendekatan kedua inilah yang diambil oleh walisongo ketika itu untuk menyebarkan dakwah Islam tanpa menghadapi risiko dan cabaran yang banyak. Walaupun terdapat penentangan dari sebahagian walisongo lain dengan pendekatan yang diambil oleh sunan ampel. Beliau melihat cara kedua ini lebih memberi kesan dalam menarik masyarakat Jawa untuk dekat dengan Islam tanpa mengabaikan tradisi terdahulu yang telah lama mengakar dalam masyarakat (Mohd Zin, 1998). Oleh kerana itu, para walisongo mengubah konsep tradisi upacara warisan Hindu menjadi tradisi yang berlafazkan Islam mulai dari merubah mantra-mantra sihir digantikan dengan kalimat *tayyibah* seperti bacaan Al-Qur'an, dzikir dan do'a. Sedangkan persembahan untuk para arwah diganti dengan sajian hidangan dan dijadikan sebagai sedekah (Mas'ari, 2017). Maka dengan itu perlahan-lahan nilai-nilai Islam menjadi dominan jika dibandingkan dengan ajaran-ajaran agama Hindu Buddha (Rusdin, 2015). Maka amalan kenduri arwah atau tahlil secara tidak langsung telah menjadi integrasi antara agama Islam dan budaya terdahulu sehingga masyarakat mudah menerimanya (Mas'ari, 2017; Wiguna et.al, 2022; Parida, 2020)



Rajah 1: Proses Pembentukan Kenduri Arwah

Fiqh Keutamaan

Fiqh Keutamaan atau *Fiqh al-Awlawiyyat* telah diberikan perhatian oleh para ulama Islam semenjak dahulu lagi. Walaupun tidak disebut dalam bentuk perkataan yang jelas dalam al-Quran dan Hadis, namun begitu didalam keduanya dan juga tindak tanduk para sahabat dipenuhi dengan tindakan yang berdasarkan fiqh keutamaan (Ismail et.al, 2021; Ibrahim, 2021). Ia juga merupakan konsep yang dikenali dalam kitab-kitab ulama terdahulu sebagai *Maratib al-'Amal*, *Maratib al-Ahkam*, *al-Afdaliyyah* dan *al-Khairiyyah*, secara umumnya membahasakan susunan keutamaan pelaksanaan sesebuah amalan (Mansor et.al., 2012)

Fiqh Keutamaan atau disebut juga sebagai Fiqh al-Awlawiyyat dalam bahasa arab tersusun dari dua kata iaitu, *al-fiqh* dan *al-awlawiyyat*. Dari segi bahasa, *al-fiqh* membawa maksud sebuah kefahaman. Sementara itu perkataan *al-Awlawiyyat* pula merupakan *jama'* dari perkataan *al-awla* yang bermaksud lebih berhak, lebih tepat dan lebih utama (Ibnu Manzur, 1999; Akbar et.al, 2022; al-Khin, 1996)

Menurut istilah, gabungan dua perkataan ini adalah seperti yang dijelaskan oleh al-Qardawi (2005) dalam kitab beliau *Fi Fiqh al-Awlawiyyat Dirasah Jadidah fi Dhau al-Quran wa al-Sunnah* sebagai:

“Satu ilmu yang meletakkan segala sesuatu pada tangga dan peringkatnya yang sebenar dengan pertimbangan keadilan, samada mengenai perbuatan, pemikiran, hukum-hakam dan nilai-nilai akhlak mulia. Perkara yang paling penting mesti didahulukan dan diutamakan, kemudian yang penting, kurang penting dan selanjutnya, mengikut pandangan syariat Islam yang bersumberkan daripada wahyu Ilahi dan berfungsi sebagai petunjuk kepada akal fikiran insan. Wahyu tersebut adalah merupakan Cahaya yang menerangi jalan akal fikiran manusia.”

Al-Wakili (1997) menafsirkan ia sebagai ilmu pengetahuan tentang hukum hakam syarak yang mempunyai hak untuk didahului berbanding dengan yang lain berdasarkan pengetahuan tentang tahap-tahap amalan tersebut dan realiti yang berkaitan dengannya. Al-Tarifi (1433) menyatakan ia satu ilmu pengetahuan yang menyusun hukum hakam mengikut keutamaan dan kedudukannya, dengan mendahulukan yang lebih utama berbanding yang kurang utama, dan yang lebih penting berbanding yang penting. Menurut al-'Ayidiyy (2012), Husain Hamid mentakrifkan fiqh keutamaan sebagai suatu pertimbangan dan penjelasan antara maslahat-maslahat yang bercanggah dan mendahulukan maslahat yang lebih utama untuk didahulukan bersesuaian dengan metod syariah yang khusus.

Secara umum, fiqh keutamaan ialah kaedah untuk menentukan keutamaan dalam membuat pilihan ketika melaksanakan sesuatu perkara, selaras dengan keperluan semasa dan tuntutan syarak. Ia merupakan konsep yang bersifat fleksibel, bergantung kepada pelbagai faktor yang sentiasa berubah, sama ada dari sudut fakta mahupun penilaian. Sesuatu nilai atau keperluan yang dianggap utama pada masa, keadaan dan suasana tertentu, mungkin tidak lagi dianggap sedemikian dalam masa, keadaan dan suasana yang berbeza (Ismail, 1997).

Kepentingan memahami Fiqh Keutamaan dan praktiknya dalam agama.

Fiqh Keutamaan sangat penting untuk difahami oleh umat Islam di zaman ini dalam semua bidang dan aktiviti (Ibrahim et.al, 2009). Dalam Fiqh Keutamaan, perkara yang kurang kuat tidak boleh diletakkan melebihi yang lebih kuat dan seumpamanya, tidak boleh didahulukan perkara yang sepatutnya dilewatkan dan tidak boleh dilewatkan perkara yang sepatutnya didahulukan (al-Qaradawi, 1995). Sesuatu yang tidak kuat (*marjuh*) tidak didahulukan mengatasi sesuatu yang kuat (*rajih*) (Ibrahim, 2021). Sekiranya kesemua ini diletakkan pada satu tahap sahaja, sudah tentu akan merosakkan kehidupan manusia (Ibrahim et.al, 2009).

Aplikasi Fiqh Keutamaan dapat dilihat dalam banyak nas. Antaranya firman Allah SWT:

﴿ أَجْعَلْتُمْ سِقَايَةَ الْحَاجِّ وَعِمَارَةَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ كَمَنْ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَجَاهَدَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ۗ لَا يَسْتَوُونَ عِنْدَ اللَّهِ ۗ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴾ (١٩) الَّذِينَ آمَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ أَكْبَرُ دَرَجَةً عِنْدَ اللَّهِ ۗ وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَائِزُونَ ﴿٢٠﴾

Terjemahan:

“Apakah (orang-orang) yang memberi minuman kepada orang-orang yang mengerjakan haji dan mengurus Masjidil Haram kamu samakan dengan orang yang beriman kepada Allah dan hari kemudian serta berjihad di jalan Allah? Mereka tidak sama di sisi Allah. Dan Allah tidak memberi petunjuk kepada

kaum yang zalim. Orang-orang yang beriman, berhijrah, dan berjihad di jalan Allah dengan harta dan jiwa mereka adalah lebih tinggi derajatnya di sisi Allah. Dan mereka itulah orang-orang yang memperoleh kemenangan.”

Menurut al-Zuhaili (2002), ayat ini menjelaskan mengenai tingkatan keutamaan antara orang mukmin itu sendiri di mana orang mukmin yang berhijrah dari Mekah ke Madinah, berjihad di jalan Allah dengan harta dan nyawa mereka untuk mengagungkan kalimah Allah lebih agung dan lebih tinggi darjatnya berbanding dengan orang yang melakukan amal perbuatan lain seperti memberi minum kepada Jemaah haji dan memakmurkan masjid. Hal ini kerana berjihad merupakan amal perbuatan yang mendatangkan manfaat untuk seluruh umat Islam berbanding dengan amal perbuatan lain seperti fardu haji yang bermanfaat untuk orang menunaikannya sahaja.

Tingkatan susunan keutamaan ini menjelaskan penegasan syarak dengan melihat kepada setiap satu daripada kategori *daruriyyat*, *hajjiyyat* dan *tahsiniyyat*. Jadi perkara yang tergolong dalam *daruriyyat* seperti menjaga agama (*hifz al-din*) iaitu berjihad di jalan Allah diberi kedudukan yang lebih tinggi berbanding *hajjiyyat* dan *tahsiniyyat* iaitu memberi minum kepada orang yang mengerjakan haji (al-Shatibi, 2003)

Para sahabat RA sering bertanya kepada Rasulullah ﷺ, tentang amalan yang paling *afdal* untuk dilaksanakan oleh mereka supaya benar-benar dapat mendekati diri kepada Allah SWT. Hal ini menunjukkan para sahabat Nabi ﷺ memiliki kefahaman yang tinggi dalam melaksanakan sesuatu amalan yang paling terbaik dan yang paling utama (al-Qaradawi, 1995). Oleh itu, pemahaman terhadap keutamaan amalan membolehkan seseorang melaksanakan amalan yang lebih tepat serta selari dengan kehendak syarak.

Metodologi Kajian

Kajian ini dilaksanakan menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan kajian kepustakaan, dengan memberi tumpuan terhadap sumber-sumber primer seperti al-Quran, hadis, dan karya ulama klasik serta kontemporari. Di samping itu, kajian turut meneliti sumber sekunder seperti buku, jurnal ilmiah, serta penulisan sejarah yang berkaitan dengan Walisongo, proses Islamisasi di Nusantara, dan amalan kenduri arwah dalam masyarakat Melayu-Jawa. Proses pengumpulan data dijalankan melalui analisis dokumen, manakala penganalisan data dilakukan menggunakan pendekatan analisis kandungan dan tematik bagi mengenal pasti prinsip-prinsip Fiqh Keutamaan yang sesuai dengan konteks kajian ini. Pendekatan ini diharap dapat menghasilkan penilaian yang lebih seimbang antara tuntutan hukum dan

realiti sosial, di samping menjelaskan bagaimana nilai dakwah serta konsep keutamaan diaplikasikan.

Dapatan Kajian

Hasil kajian mendapati terdapat elemen Fiqh Keutamaan yang diaplikasikan oleh Walisongo melalui pendekatan dakwah secara berhikmah dalam usaha membasmi amalan yang bercanggah dengan prinsip Islam. Pendekatan ini dilihat sangat sesuai dengan realiti masyarakat pada ketika itu yang masih sarat dengan amalan khurafat serta kepercayaan yang menyeleweng dari ajaran Islam.

Fiqh Keutamaan dalam dakwah bermaksud menentukan keutamaan dalam mesej, pendekatan, dan tindakan dakwah agar selaras dengan maqasid syariah dan realiti masyarakat dan menghindari kemudaratan. (Ghazali, 2015). Pengaplikasian fiqh keutamaan dalam lapangan dakwah oleh pendakwah dapat memberikan perubahan untuk menggerakkan dakwah. Pendakwah dapat membuat pilihan tepat dengan mendahulukan perkara sewajarnya didahulukan. Antara elemen yang diaplikasikan adalah

1. Prinsip *tadarruj* dalam dakwah.

Konsep *tadarruj* sangat penting untuk diaplikasikan terutamanya dalam dakwah melihat keadaan dan suasana sesebuah masyarakat. Ini kerana setiap masyarakat mempunyai cara hidup dan adat yang tersendiri dan ia juga sudah sebatian dan mencengkam di dalam struktur sesebuah masyarakat. Maka dengan kedatangan Islam, usaha untuk meluruskan masyarakat ini menuju jalan Islam perlukan pendekatan beransur-ansur serta berperingkat-peringkat agar perubahan itu tidak membebankan dan menyulitkan kehidupan mereka, akhirnya menjadi penyebab mereka menjauhkan diri dari agama Islam (Mohd Nor, 2000).

Contoh prinsip *tadarruj* yang digunakan adalah dalam proses penetapan hukum pengharaman arak. Bagi membanteras amalan meminum arak yang menjadi kebiasaan masyarakat arab dari kehidupan jahiliyah mereka, Allah SWT tidak langsung mengharamkan secara sekaligus. Namun ia dilakukan secara beransur-ansur (Ibrahim, 1997). Ayat pertama yang diturunkan adalah menjelaskan tentang kemudaratan arak lebih besar berbanding manfaatnya. Sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) mengenai arak dan judi. Katakanlah pada keduanya terdapat dosa besar dan terdapat manfaat bagi

manusia, tetapi dosa keduanya adalah lebih besar daripada manfaatnya.”(al-Baqarah: 219)

Kemudian ayat kedua pula menjelaskan larangan terhadap umat Islam dari solat dalam keadaan mabuk. Ini bermakna mereka dilarang meminum arak ketika solat hendak ditunaikan. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu menghampiri solat sedangkan kamu dalam keadaan mabuk segingga kamu sedar dan mengetahui akan apa yang kamu katakan”(al-Nisa: 43)

Setelah itu, peringkat terakhir, barulah Allah SWT menurunkan ayat yang mengharamkan arak sama sekali dan ia tidak boleh diminum lagi. Firman Allah SWT bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, Sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah adalah kotor dari perbuatan syaitan. Oleh itu, hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya. Sesungguhnya syaitan itu hanyalah bermaksud mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu dengan sebab arak dan judi, dan mahu memalingkankan kamu daripada mengingati Allah dan daripada mengerjakan solat. Oleh itu mahukah kamu berhenti daripada melakukan perkara-perkara yang keji dan kotor atau lamu masih berdegil”. (al-Maidah: 90-91)

Penetapan hukum secara beransur-ansur bagi arak ini membuktikan bahawa *tadarruj* ini mempunyai kaitan yang rapat dengan keadaan dan suasana sesebuah masyarakat.

Pendekatan *tadarruj* ini jelas dipraktikkan dalam dakwah walisongo ketika berhadapan dengan masyarakat yang ketika itu kuat berpegang kepada adat tradisi lama iaitu Hindu Buddha yang telah bercampur dengan kepercayaan animisme. Kedatangan walisongo tidak menolak adat setempat sekaligus, sebaliknya mereka cuba menyesuaikan adat tersebut dengan ajaran Islam melalui pendekatan *tadarruj* ini. Sebagai contoh, amalan selamatan asalnya bertujuan memuja roh, semangat nenek moyang dan kuasa ghaib tidak langsung dihapuskan, sebaliknya diubah menjadi doa untuk keselamatan dan sedekah pahala untuk si mati. Amalan yang asalnya penuh dengan bacaan mantera-mantera, minum arak kemudian ditukar kepada bacaan ayat al-Quran, zikir dan doa.

Pendekatan ini mencerminkan kebijaksanaan walisongo ketika berhadapan dengan masyarakat yang kuat dengan adat tradisi mereka. Para walisongo memahami realiti masyarakat serta keutamaan dakwah. Bagi para

walisongo, matlamat utama adalah memastikan ajaran Islam dapat meresap kedalam budaya masyarakat Jawa tanpa mewujudkan kesulitan kepada mereka. Melalui pendekatan ini nilai-nilai Islam menjadi lebih dominan, tauhid dapat ditegakkan, ajaran Islam dapat diamalkan, unsur-unsur kesyirikan serta khurafat dapat dihilangkan. Ia menjadikan masyarakat dapat meninggalkan amalan-amalan mereka terdahulu dan mudah menerima dan mengamalkan Islam dalam kehidupan mereka. Inilah yang menjadi tujuan utama bagi para walisongo ketika menyampaikan Islam.

2. Prinsip mengutamakan *Maslahah*

Dalam kerangka menerapkan fiqh keutaman, salah satu prinsip utama yang ditekankan adalah menutamakan *maslahah* dan menolak *mafsadah* (kemudaratan). Prinsip ini berasaskan beberapa kaedah fiqh yang masyhur antara:

درء المفساد مقدم على جلب المصالح
“Menolak kemudaratan didahulukan daripada mendatangkan kemaslahatan.”

Serta kaedah lain yang menyatakan:

التصرف على الرعية منوط بالمصلحة
“Segala tindakan terhadap masyarakat mestilah berasaskan kepada *maslahah* (kepentingan umum).”

Pendekatan inilah yang digunakan dalam strategi dakwah walisongo ketika itu. Menghadapi masyarakat yang berpegang teguh kepada adat dan tradisi bukanlah suatu yang mudah untuk diubah, apatah lagi sekiranya menghapuskan terus budaya-budaya yang bertentangan dengan Islam. Mengambil jalan menghapus dan membina kembali akan membawa kepada penentangan masyarakat dan barangkali akan menutup pintu dakwah. Oleh itu, pendekatan yang bijak perlu diutamakan iaitu mengutamakan *maslahah*.

Para walisongo memahami bahawa adat dan tradisi seperti ini mempunyai manfaat dalam kehidupan masyarakat, seperti mengeratkan ukhuwwah dan silaturrahim, membantu emosi keluarga si mati, sebagai bentuk solidariti kepada mereka. Bagi tetamu yang hadir pula, secara tidak langsung majlis seperti ini dapat memberikan peringatan tentang kematian. Ini semua termasuk dalam perkara yang memberi manfaat kepada keluarga si mati dan juga tetamu yang hadir. Oleh itu, para walisongo tidak terus menolak dan menghapuskan adat ini, sebaliknya memasukkan nilai-nilai supaya manfaat-manfaat ini kekal dan unsur yang menyanggahi syarak dihapuskan. Maka membiarkan pintu dakwah terbuka adalah lebih baik dari terus menutup pintu dakwah.

Melalui pendekatan berasaskan *masalah* ini, Islam dapat diterima dan diamalkan dengan damai tanpa konfrontasi budaya. Strategi ini membuktikan bahawa Walisongo memahami Fiqh Keutamaan dan dakwah bukan hanya sekadar menyampaikan hukum, tetapi mengutamakan kesan dan keberhasilan dakwah dalam realiti masyarakat.

3. Pendekatan hikmah dalam berdakwah

Salah satu bentuk prinsip penting yang diterapkan adalah mengubah kemungkaran dengan bijaksana. Ini merupakan salah satu prinsip penting dalam Fiqh Keutamaan. Prinsip ini berasaskan firman Allah SWT yang bermaksud:

“Serulah (manusia) kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan nasihat yang baik, dan berdebatlah dengan mereka dengan cara yang paling baik.” (Surah al-Nahl, 16:125)

Ayat ini menjelaskan bahawa dalam menjalankan misi dakwah kepada Allah SWT, seperti menyampaikan apa yang diperintahkan, apa yang dilarang termasuk kemungkaran ia mesti dilaksanakan dengan penuh berhikmah dan nasihat yang baik bukanlah dengan cara yang keras dan tegas sehingga boleh mengakibatkan penolakan bahkan fitnah ke atas agama (al-Saadi, 2002). Mencegah kemungkaran adalah wajib mengikut kemampuan dan keadaan ia selari dengan hadis Nabi ﷺ yang bermaksud:

“Sesiapa di antara kamu melihat kemungkaran, maka ubahlah dengan tangannya; jika tidak mampu, maka dengan lidahnya; dan jika tidak mampu, maka dengan hatinya.” (Riwayat Muslim, no. 49)

Dalam situasi dakwah walisongo ini ketika menghadapi satu masyarakat kuat berpegang teguh kepada adat dan tradisi, mereka menyampaikan agama Allah ini dengan penuh berhikmah, iaitu dengan mengislahkan adat tanpa menghapuskannya. Mereka memahami adat seperti ini telah lama menjadi amalan dan budaya masyarakat ketika itu, namun kemungkaran wajib dicegah, maka para walisongo memilih untuk mengubah pengisian amalan yang bercanggah dengan nilai syarak kemudian memasukkan nilai-nilai Islam. Apa yang ditunjukkan oleh walisongo menceritakan bahawa berhikmah bukanlah bermaksud perlu berlembut sehingga menggadaikan prinsip. Prinsip tetap ditegakkan tetapi perlulah dengan hikmah. Ia selaras dengan gagasan Fiqh Keutamaan yang mengutamakan kesan dakwah jangka masa yang panjang berbanding perubahan drastik yang berakhir dengan penolakan.

4. Pendekatan mendahulukan tauhid berbanding penghapusan adat

Pendekatan mendahulukan pembetulan akidah dan tauhid berbanding menghapuskan adat merupakan satu prinsip penting dalam dakwah dan pembinaan masyarakat. Prinsip ini merupakan manhaj para rasul dalam menjalankan dakwah dengan menyeru masyarakat kepada tauhid. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan sesungguhnya Kami telah mengutuskan kepada setiap umat seorang rasul (dengan seruan): ‘Sembahlah Allah dan jauhilah taghut’
(Surah al-Nahl, 16:36)

Ketika Nabi ﷺ mengutuskan Muaz bin Jabal RA ke Yaman, baginda telah berpesan:

“Sesungguhnya engkau akan mendatangi suatu kaum daripada Ahli Kitab. Maka hendaklah perkara pertama yang engkau serukan kepada mereka ialah persaksian bahawa tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan bahawa aku adalah utusan Allah. Jika mereka telah mentaati perkara itu, maka beritahulah mereka bahawa Allah telah mewajibkan ke atas mereka solat lima waktu pada setiap siang dan malam....”
(Riwayat Muslim, no.19)

Maka setiap rasul dalam melaksanakan dakwah memulakan seruan mereka dengan persaksian bahawa tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah SWT. Para rasul menyeru manusia kepada tauhid yang benar dan akidah yang sahih, sebelum memerintahkan mereka dengan kewajipan-kewajipan lain dalam agama. Hal ini kerana amalan-amalan yang dilakukan tidak mempunyai nilai di sisi Allah SWT sekiranya dicemari unsur kesyirikan dan ketiadaan tauhid yang murni (al-Fauzan, t.t)

Pendekatan ini juga dipraktikkan oleh walisongo dalam menjalankan dakwah kepada masyarakat ketika itu. Tradisi yang mereka amalkan saban generasi telah mengakar kuat dalam jiwa mereka bahkan sudah sebatik sekiranya berlaku kematian. Bermula semenjak kepercayaan terhadap animisme kemudian berubah kepada kepercayaan Hindu Buddha, tradisi berkumpul dan mengadakan upacara selepas kematian tetap dilaksanakan. Walaupun kepercayaan masyarakat berubah, tetapi tradisi ini tetap sama. Ini bukti bahawa tradisi ini sangat kukuh dalam budaya masyarakat ketika itu.

Maka pendekatan yang diambil oleh walisongo adalah mengubah kepercayaan masyarakat, daripada mengadakan upacara untuk memuja roh dan si mati, yang membawa kepada kesyirikan, seperti kepercayaan roh si mati mempunyai kuasa tertentu, menolak kebergantungan kepada makhluk dengan mengalihkan semuanya itu kepada Allah SWT, iaitu beribadah dan

berdoa hanya kepada Allah SWT. Inilah manhaj yang ditempuh oleh para rasul ketika mereka diutuskan oleh Allah SWT kepada kaum-kaum mereka.

Dalil sandaran mengadakan kenduri arwah

1. Keutamaan majlis zikir dan mereka yang berzikir

Hadis riwayat al-Bukhari:

Maksudnya:

Daripada Abu Hurairah RA, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda: Sesungguhnya Allah mempunyai para malaikat yang berjalan berkeliling di jalan-jalan untuk mencari majlis-majlis zikir. Apabila mereka menemui suatu kaum yang berzikir kepada Allah, mereka saling memanggil: 'Marilah kepada apa yang kamu cari. Lalu mereka mengelilingi kaum itu dengan sayap-sayap mereka hingga memenuhi langit dunia. Kemudian Tuhan mereka bertanya kepada para malaikat - sedangkan Dia lebih mengetahui daripada mereka -: 'Apa yang dikatakan oleh hamba-hambaKu?' Para malaikat menjawab: 'Mereka bertasbih kepadaMu, membesarkanMu, memujiMu dan memuliakanMu.' Allah berfirman: Adakah mereka pernah melihatKu?. Malaikat menjawab: Tidak pernah demi Allah. Mereka tidak pernah melihatMu. Allah berfirman: bagaimana jika mereka melihatKu? Malaikat menjawab: Sekiranya mereka melihatMu, nescaya mereka akan lebih kuat beribadah kepadaMu, lebih memuliakanMu, dan lebih banyak bertasbih kepadaMu. Allah berfirman: Apakah yang mereka minta daripadaKu?. Malaikat menjawab: Mereka memohon syurgaMu. Allah berfirman: Adakah mereka pernah melihatnya? Malaikat menjawab: Tidak demi Allah. Mereka tidak pernah melihatnya. Allah berfirman: Bagaimana jika mereka melihatnya?. Malaikat menjawab: Sekiranya mereka melihatnya, nescaya mereka akan lebih bersungguh-sungguh menginginkannya, lebih kuat mencarinya dan lebih besar keinginan mereka terhadapnya. Allah berfirman: Daripada apakah mereka memohon perlindungan?. Malaikat menjawab: Daripada nereka. Allah berfirman: Adakah mereka pernah melihatnya?. Malaikat menjawab: Tidak demi Allah, mereka belum pernah melihatnya. Allah berfirman: Bagaimana jika mereka melihatnya?. Malaikat menjawab: Jika mereka melihatnya, pasti mereka akan lebih kuat melarikan diri daripadanya dan lebih takut terhadapnya. Lalu Allah berfirman: Aku persaksikan kepada kamu semua bahawa Aku telah mengampuni mereka. Salah seorang malaikat berkata: Di antara mereka ada seseorang yang bukan dari kalangan mereka; dia datang hanya kerana suatu keperluan.' Allah berfirman: 'Mereka adalah satu kaum yang duduk bersama dalam majlis zikir; sesiapa yang duduk bersama mereka tidak akan menjadi celaka.'

(Riwayat al-Bukhari, No. 6408)

Ibn Hajar (1986) menjelaskan bahawa hadis ini mengandungi keutamaan majlis zikir, orang yang berzikir dan keutamaan berkumpul untuk berzikir, orang yang duduk bersama mereka. Mereka akan masuk dalam golongan yang berzikir, akan mendapat apa yang Allah anugerahkan kepada orang berzikir walaupun dia tidak mengikuti mereka dalam berzikir.

2. Mengirim pahala bacaan al-Quran

Al-Suyuti (1985) menyebutkan berlaku perselisihan tentang masalah sampainya bacaan al-Quran kepada si mati. Majoriti ulama salaf dan tiga imam mazhab menyatakan sampai pahala bacaan. Hanya sahaja imam Syafi'i menyelisihinya.

3. Mengadakan jamuan makan

Hadis riwayat al-Bukhari:

Maksudnya:

Dari Aisyah RA: bahawa apabila seseorang dari keluarga Aisyah meninggal, lalu para wanita berkumpul kerana kematian itu, kemudian mereka beredar pulang kecuali ahli keluarga terdekat dan orang-orang khusus daripadanya, maka beliau memerintahkan supaya disediakan periuk berisi talbinah, lalu ia dimasak. Kemudian dibuat tharid (roti yang dihancurkan dan dicampur dengan kuah makanan), lalu talbinah itu dituangkan di atasnya. Kemudian Aisyah RA berkata: Makanlah daripadanya, kerana aku mendengar Rasulullah ﷺ bersabda: Talbinah itu menenangkan hati orang yang sakit dan dapat menghilangkan sebahagian daripada kesedihan.

(Riwayat al-Bukhari, No. 5417)

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini telah membuktikan bahawa amalan kenduri arwah yang diamalkan di Nusantara bukan sekadar warisan budaya orang-orang terdahulu. Namun ia juga menggambarkan strategi dakwah para walisongo dalam mengislamisasikan amalan ini. Elemen Fiqh Keutamaan yang diterapkan dalam dakwah ketika menghadapi masyarakat Jawa, membolehkan proses dakwah berjalan serta agama Islam dapat diterima tanpa berlakunya penentangan. Kebijaksanaan para walisongo dalam memerhati, menilai dan memahami masyarakat dengan mendalam membawa kepada keberhasilan dalam dakwah. Melalui penerapan prinsip *tadarruj* (beransur-ansur), mengutamakan masalah dan mengubah kemungkaran dengan hikmah dan pendekatan mengutamakan tauhid, walisongo berjaya mengubah tradisi berkumpul selepas kematian menjadi satu amalan yang lebih baik tanpa perlu menghapuskannya.

Bibliografi

- Al-Quran al-Karim
Al-Fauzan, S. F. (t.t). *I'anaḥ al-Mustafid bi Syarḥ Kitab al-tauhid*. Muassasah al-Risalah
- Abd Rahman, M. M. (2008). *Kedatangan Islam ke Nusantara dan Pengaruhnya Terhadap Budaya Ilmu*. Islam Futura. Vol.7 (2).
- Abdullah, C. Z., Yahya, Z. & Alias, B. (2015). *Adat Perkahwinan Masyarakat Melayu, Keseajarannya dengan Nilai Islam: Kajian di Shah Alam*. ICOMHAC2015
- Akbar, W. & Islamy, A. (2022). *Fikih Prioritas dalam Fatwa Kehalalan Vaksin Covid 19 di Indonesia*. Al-Iqtishod Jurnal Pemikiran dan Penelitian Ekonomi Islam.
- al-'Ayidiyy, 'A. H. (2012). *Fiqh al-Awlawiyyat: Fi al-Muamalat al-Maliyyat al-Mu'asirah*. Al-Riyad: Dar Kunuz Ishbilia.
- al-Jauhari, J. S. (2009). *Kenduri Arwah, Menggerakkan Jari Ketika Tahiyat dan Ziarah Makam Nabi*. Majlis Agama Islam Negeri Johor.
- al-Khin, M. (1996). *Al-Fiqh al-Manhaji Mazhab al-Syafie*. Beirut: Dar al-Qalam
- al-Qaradawi, Y. (2005). *Fi Fiqh al-Awlawiyyat Dirasah Jadidah fi Daw'I al-Quran wa al-Sunnah*. Al-Qahirah: Maktabah al-Wahbah.
- al-Syatibi. (2003). *Al-Muwafaqat fi Usul al-Shariah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- al-Tarifi, A. S. (1433). *Fiqh al-Awlawiyyat fi al-Dakwah ila Allah Taala*. Jamiah al-Imam Muhammad bin Saud al-Islamiah.
- al-Wakili, M. (1997). *Fiqh al-Awlawiyyat Dirasah fi Dawabit*. Al-Maahad al-'Alami lil fikr al-Islami.
- al-Syafi'I, M. I. (2001). *al-Umm*. Dar al-Wafa.
- al-Buhuti, M. Y. (1999). *Kasyfu al-Qina' 'an Matn al-Iqna' lil Hijawi*. Beirut: Dar Ihya wa al-Turath.
- al-Hattab, M. M. A. R. (1995). *Mawāhib al-Jalīl li-Sharḥ Mukhtaṣar Khalīl*. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyah.
- al-Shawkani, M. A. (t.t). *al-Fath al-Rabbani Min Fatawa al-Imam al-Shawkani*. Maktabah al-Jail al-Jadid.
- Ibn al-Humam, M. b. 'A. al-Ḥanafī. (2002). *Fatḥ al-Qadīr li al-'Ajiz al-Faqīr Sharḥ al-Hidāyah*. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyah.
- Awalin, F. R. N. (2018). *Slametan: Perkembangan dalam Masyarakat Islam – Jawa di Era Mileneal*. Jurnal IKADBUDI. Vol.7
- Budiono, H. S. (2009). *Islam Kejawaen*. Yogyakarta: Eule Book
- Darori, A. (2000). *Islam & Kebudayaan Jawa*. Yogyakarta: Media Gama
- Firda Annisa, (2022). *Tahlilan sebagai Sinkronisasi Agama dan Budaya (Perspektif Legal Maxim)*. SAHAJA Journal Sharia and Humanities. Vol.1(2).

- Fajrussalam, H., Amalia, A. R. N., Futri, E., Oktaviani, F., & al-Fazriani, R. S. (2022). *Eksplorasi kebudayaan tahlil dalam perspektif agama Islam dan masyarakat Indonesia*. Journal of Islamic Studies. Vol.7(1).
- Ghazali, M. R. (2015). *Keperntingan Maqasid Syariah dalam berfatwa di Malaysia*. Jurnal Infad
- Gunawan, R., Firdaus, A. & Supendi, D. A. (2024). *Analisis Teks Mantra kelahiran bayi di desa Cibeureum*. Bahastra. Vol.8(2).
- Harahap, R. S. B., Sudjatnika, T., Siregar, A. M. (2023). *Sunan Ampel dan Dakwahnya dalam Islamisasi Jawa Timur*. Tabsyir: Jurnal Dakwah dan Sosial Humaniora. Vol.3
- Ibnu Manzur. (1999). *Lisan al-Arab*. Beirut: Lubnan
- Ibrahim, B. (2021). *Fiqh Keutamaan Isu Semasa di Malaysia*. Universiti Islam Malaysia
- Ibrahim, S. (1997). *Manhaj Ilmu Fiqh*. Kuala Lumpur.
- Iskandar, M.B.G, Galih, M.R., & Saebani, B.A. (2024). *Ritual Tahlilan dan Perjamuan Kematian Masyarakat Indonesia Perspektif Sosiologi Hukum Islam*. Triwikrama: Jurnal Ilmu Sosial. Vol.6(4).
- Jol, M. H. (2016). *Khilafiah: Persoalan dan penjelasan*. Inteam Publishing
- Librianti, E.O.I, Mukarom, Z., Rosyidi, I. (2019). *Budaya Tahlilan Sebagai Media Dakwah. Prophetica: Scientific and Research Journal of Islamic Communication and Broadcasting*. Vol.5 (1).
- Mahmudah, N., & Saputera, A.R.A., (2019). *Tradisi Ritual Kematian Islam Kejawan Ditinjau dari Sosiologi Hukum Islam*. Analisis: Jurnal Studi Keislaman, Vol.19(1).
- Mohd Nor, A. H. (2000). *Tadarruj (beransur-ansur) Dalam Pelaksanaan Hukum Islam Masa Kini*. Jurnal Syariah. Vol.9(1).
- Mohd Zin, A. A. (1998). *Metod Dakwah Walisongo*. Jurnal Usuluddin, Universiti Malaya, Vol.7(7)
- Mubarak, Z., Wardana, A. (2017). *Tahlilan dan Solidaritas di Ajibarang Wetan*. Jurnal Pendidikan Sosiologi. Vol.6(4).
- Nanda, R. (t.t). *Pro dan Kontra Tradisi Tahlilan di Indonesia*. Masjid Taqwa Muhammadiyah.
- Rodin, R. (2013). *Tradisi Tahlilan dan Yasinan*. Jurnal Kebudayaan Islam. Vol.11(1).
- Shandy, I. S. F., Sungkono, S. (2025). *Nyadran: Tradisi Kearifan lokal dalam Memelihara Harmoni Sosial*
- Soniatin, Y. (2023). *Makna dan Fungsi Budaya Tradisi Nyadran dalam Kearifan Lokal Masyarakat Dusun ^{ꦱꦺꦤ}en, Desa Sendagrejo, Kecamatan Ngimbang, Kabupaten Lamongan*. Humanis. Vol.13(2).
- Thamrin, H. (2018). *Antropologi Melayu*. Kalimedia.
- Yaqin, M. I. & Faris. (2022). *Komunikasi Transdental Penganut Kapitayan dalam Peningkatan Kesadaran Spiritual*. Commed: Jurnal Komunikasi dan Media. Vol.7(1).

- Oganta, A. A (2024). *Tinjauan Sosiologi Hukum Islam dalam Tradisi Tahlilan di Indonesia*. Causality Journal, Vol.1 (1).
- Tumangor, S. Y. & Syam, N. K. (2024). *Tradisi Tahlilan Upaya Menyambung Tali Silaturahmi*. HIKMAH, Jurnal Dakwah dan Sosial. Vol.4(1).
- Saleh, M., Yusuf, M. & Yusri, D. (2022). *Praktek Pelaksanaan Kenduri Kematian dan Tahlilan menurut Imam Syafia dan Hanafi (Studi kasus di Desa Air Hitam Kecamatan Gebang)*. Khazanah: Journal of Islamic Studies, Vol.1 (1).
- Hardiati S.E. (1994). *Pitra Yajna dalam Masyarakat Hindu di Bali*. Berkala Arkeologi. Vol.14(2).
- al-Suyuti, J. A. (2000). *Al-Hawi lil Fatawa*. Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Suripto, I. B. A. (2009). *Nilai-hilai Hindu dalam Budaya Jawa: Serpihan yang Tertinggal*. Yogyakarta: Warna Grafika.
- Rusdin, Gassing, Q. & Shuhufi, M. (2025). *Polemik Tradisi Tahlilan (Kenduri Kematian Antara Pro dan Kontra*. Jurnal Media Akademik (JMA). Vol.3(1).
- Mas’ari, A. & Syamsuatir (2017). *Tradisi tahlilan: Potret Akulturasi Agama dan Budaya Khas Islam Nusantara*. Jurnal Penelitian Sosial dan Keagamaan Vol.33(1).
- al-Sa’di, A. N. (2002). *Taysir al-Karim al-Rahman fi Tafsir Kalam al-Mannan*. Dar al-Salam.
- al-Suyuti, J. A. (1985). *Syarh al-Sudur bi Syarh Hal al-Mawta wa al-Qubur*. Dar al-Madani.